- Panduan penyediaan rancangan pemajuan untuk merancang pembangunan semula bandar dan juga semasa proses kawalan perancangan untuk menetapkan syarat-syarat pemajuan.
- Mewujudkan pembangunan bandar yang mampan dan meningkatkan kesejahteraan komuniti yang tinggal di kawasan bandar.
- Membantu PBN dan PBT mengurus tanah milik kerajaan dan persendirian secara teliti bagi memastikan pembangunan yang akan dilaksanakan berpadanan dengan potensi komersial dan nilai pasaran tanah.

## x. GPP Pengenalpastian Pembangunan Semula Kawasan *Brownfield*




- Kawasan *brownfield* merangkumi situasi berikut :

  a) Kawasan yang telah lama terbengkalai ;

  b) Kawasan yang telah siap tetapi tiada pemilik.




**Kategori Kawasan Brownfield :**

| Foto | Jenis *Brownfield* | Kategori |
|---|---|---|
|  | Bekas lombong/kuari | A |
|  | Kawasan bekas tapak pelupusan sisa pepejal yang telah penuh /tidak lagi digunakan secara kekal | B |
|  | Kawasan kilang/ perniagaan/ perumahan/institusi yang telah ditinggalkan melebihi 10 tahun | C |
|  | Projek – projek pembangunan terbengkalai yang tidak siap dalam tempoh pelaksanaan pembangunan melebihi 10 tahun | D |
|  | Bangunan/deretan lot-lot bangunan yang telah siap tetapi terbiar melebihi 10 tahun | E |
|  | Kawasan bekas depot/ stesen pengangkutan awam, kemudahan infrastruktur dan utiliti | F |

Sumber : *GPP Pengenalpastian Pembangunan Semula Kawasan Brownfield (GP023)*

## xi. National Key Economic Areas (NKEA)




12 Sektor Ekonomi dalam NKEA

Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) mewakili 12 sektor ekonomi bagi memacu kearah pencapaian negara berpendapatan tinggi dan menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

## xii. Wilayah Ekonomi Koridor (REC)

Malaysia mempunyai agenda pembangunan sosio-ekonomi untuk rakyatnya. Salah satu daripada strategi jangka panjang kerajaan ialah pembangunan lima wilayah koridor ekonomi iaitu :







Wilayah Ekonomi Koridor (REC)

# 5.0
# KOMITMEN AGENSI KERAJAAN NEGERI MELAKA



## 5.1 INDIKATOR 1 : *NO POVERTY*

# INDIKATOR 1

## AKHIRI KEMISKINAN DI SEMUA BENTUK

### a) RUMAH KOS RENDAH (PPR KRUBONG) ; DAN RUMAH PEDULI DI BAWAH LEMBAGA PERUMAHAN MELAKA




- RM35,000 - RM42,000.
- 3 bilik tidur, 2 bilik air.
- Keluasan 750 kaki persegi.
- Pendapatan isirumah tidak lebih RM3000 sebulan.




- RM30,000 - RM37,000.
- Rumah dibina atas tanah sendiri atau dengan kebenaran tuan tanah.
- Rumah diberi secara percuma.

### b) RUMAH BERKAT ; DAN RUMAH SEJAHTERA




- Sewa rumah RM150 sebulan.
- 3 bilik tidur, 1 bilik air.
- Berumur tidak lebih 35 tahun.
- Isirumah tidak lebih RM3000 sebulan.
- Keutamaan kepada golongan berkahwin.




- RM40,000.
- Rumah sesebuah dibina atas tanah kerajaan.
- Subsidi kerajaan sebanyak RM20,000 bagi setiap unit. Baki RM20,000 lagi melalui pembiayaan dengan BSN.

## c) PROGRAM BANTUAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI MELAKA ; DAN PROGRAM *CSR HOME HELP SERVICES* SUKARELAWAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT



JKM memudahkan penerima iaitu bantuan kebajikan disalurkan terus ke dalam akaun bank penerima bantuan berbanding sebelum ini yang dibayar secara tunai di Japerun.



Program *CSR Home Help Services* Sukarelawan JKM bersama pelajar UTEM pada 7 Mei 2016. Melibatkan seramai 40 org peserta di 4 buah rumah di Kg Pokok Mangga, Melaka.

## d) PROGRAM DERMASISWA PENGAJIAN ISLAM KERAJAAN NEGERI MELAKA KE LUAR NEGARA




Kerajaan negeri menyediakan peruntukan berjumlah RM15 juta setahun bagi pinjaman dan Dermasiswa Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) terutama pengajian ke negara Timur Tengah.



Ketua Menteri Melaka beramah mesra bersama pelajar pada Majlis Pelepasan Pelajar yang menerima Dermasiswa Pengajian Islam Kerajaan Negeri Melaka ke Mesir di Seri Negeri, Ayer Keroh.

## 5.2 INDIKATOR 2 : *ZERO HUNGER*

### INDIKATOR 2

MENGAKHIRI KELAPARAN, MENCAPAI KESELAMATAN MAKANAN DAN MENINGKATKAN PEMAKANAN DAN MEMPROMOSIKAN PERTANIAN YANG MAMPAN

**a) TAKLIMAT TANAMAN SECARA HIDROPONIK OLEH JABATAN PERTANIAN ALOR GAJAH ; DAN PROGRAM BERBUKA PUASA BERSAMA JULIES DAN MPAG**




Inisiatif Kebun Komuniti MPAG mengaplikasikan teknologi pertanian moden. Setiap pagi pada hari Jumaat diadakan aktiviti berkebun.




Meraikan anak yatim dan golongan kurang berkemampuan di samping mengagihkan bubur lambuk kepada penduduk sekitar

**b) PROGRAM PERTANIAN BANDAR OLEH JABATAN PERTANIAN NEGERI MELAKA**




Latihan dan pembuatan baja organik dan kawalan serangga.



Program kawasan perumahan (individu) dengan sokongan Jabatan Pertanian Negeri Melaka.

## c) PROGRAM INSTITUSI DAN TABIKA KEMAS



Program pertanian di institusi (syarikat/swasta/ pejabat/sekolah) anjuran Jabatan Pertanian Negeri Melaka.



- *Nutrient Film Technique* (NFT)
- Laman Edibel.
- Piskiponik.
- Mini Fertigasi.

## d) PROGRAM SEKOLAH DAN INDIVIDU



Program pertanian di sekolah-sekolah dengan sokongan Jabatan Pertanian Negeri Melaka.



Aktiviti pertanian secara individu dengan sokongan Jabatan Pertanian Negeri Melaka.

## e) PROGRAM PERUMAHAN KOMODITI



- Program Kawasan Perumahan (komoditi).
- Kebun Kovensional / Organik.
- Fertigasi Terbuka.



- Program Komoditi (fertigasi terbuka).
- 500 polibag tanaman cili.
- Secara berkelompok minima 10 orang.

## 5.3 INDIKATOR 3 : *GOOD HEALTH & WELL-BEING*

# INDIKATOR 3

MEMASTIKAN KEHIDUPAN SIHAT DAN MENGGALAKKAN KESEJAHTERAAN UNTUK SEMUA PERINGKAT UMUR

### a) GOTONG ROYONG TAMAN GANUN SETIA ; GOTONG ROYONG MPAG BERSAMA MASYARAKAT DUN LENDU



13 Januari 2018

Aktiviti gotong royong di Taman Ganun Setia telah diadakan bagi mencegah daripada wabak penyakit dan kawasan pembiakan nyamuk.



18 November 2018

Aktiviti gotong royong di Kampung Durian Daun, Masjid Tanah. Memupuk semangat kerjasama dan perpaduan antara penduduk.

### b) PROGRAM *SARONG RUN* DATARAN KERIS ALOR GAJAH ; DAN *PURPLE X RUN JUMBOO*




28 Julai 2018

Larian dan senamrobik. Mengeratkan hubungan antara peserta. Mempromosikan kain sarong sebagai salah satu tradisi masyarakat.



11 November 2018

Larian dan senamrobik di waktu malam. Mengeratkan hubungan antara peserta. Mempromosikan aktiviti santai malam minggu.

## c) PROGRAM PENCEGAHAN JENAYAH & DERMA DARAH SEMPENA HARI POLIS KE-212 ; DAN PROGRAM GOTONG-ROYONG BERSAMA AHLI MAJLIS BAGI DUN TANGGA BATU




Program Pencegahan Jenayah & Derma Darah sempena Hari Polis ke-212 2019.



Program Gotong-royong bersama Ahli Majlis bagi Dun Tangga Batu 2019.

## d) PROGRAM *FUN WALK & PLOGGING* SWCORP SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2018 ; DAN SAMBUTAN HARI KESIHATAN SEDUNIA PERINGKAT NEGERI MELAKA




Program *Fun Walk & Plogging* Swcorp Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2018.




Sambutan Hari Kesihatan Sedunia Peringkat Negeri Melaka tahun 2019 bertempat di Taman Botanikal Ayer Keroh.

## e) PROGRAM PROMOSI KESIHATAN (HARI TIBI SEDUNIA DAN 'WALK')




Hari TIBI Sedunia peringkat Kebangsaan, bertempat di Ballroom, MITC. Ia melibatkan komuniti, pelajar IPT dan sekolah.




Pelancaran Kempen WALK (*When active Living Kick*) / Mulakan hidup aktif anda. Diadakan di Taman Botanikal Ayer Keroh.

## f) PROGRAM PENCEGAHAN PENYAKIT (BAWAAN VEKTOR DAN HIV) OLEH JABATAN KESIHATAN NEGERI MELAKA




Gotong royong perdana bagi perangi denggi peringkat negeri Melaka di Padang Taman Limbongan Permai. Diadakan setiap tahun.




Program "*1st National Cities Getting to Zero HIV Conference 2018*'' anjuran Jabatan Kesihatan Negeri Melaka.

## g) PROGRAM PENCEGAHAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT OLEH JABATAN KESIHATAN NEGERI MELAKA



Program Cabaran Melaka Sihat bagi menggalakkan pengurangan berat badan, pencegahan obesiti, penyakit kencing manis dan darah tinggi.



Kempen "Tak Nak Merokok'' dan "Melaka Bebas Asap Rokok'' dan juga penguatkuasaan Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004.

## h) PROGRAM PENCEGAHAN PENYAKIT BERJANGKIT OLEH JABATAN KESIHATAN NEGERI MELAKA




Ops Bazaar Ramadhan diadakan setiap tahun pada bulan Ramadhan untuk menjaga kualiti dan kebersihan makanan.




Ops Pasaraya diadakan setiap tahun pada bulan perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina dan Deepavali bagi memelihara kualiti makanan.

## 5.4 INDIKATOR 4 : *QUALITY EDUCATION*

### INDIKATOR 4

MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI YANG INKLUSIF DAN SAKSAMA DAN MENGGALAKKAN PELUANG PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT UNTUK SEMUA

**a) MALAM INSPIRASI CINTA ILMU 2018 ; DAN PROGRAM GENERASI WAWASAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN KLEBANG BESAR, MELAKA**



Majlis perkongsian ilmu di Malam Inspirasi Cinta Ilmu.



Program Generasi Wawasan di Sekolah Kebangsaan Klebang Besar, Melaka.

**b) MAJLIS PERASMIAN *ECO SCHOOL* & SEKOLAH LESTARI ; DAN PROGRAM SANTAI HIJAU *ECO-SCHOOLS* MELAKA BERSAMA YB SUK**




Majlis Perasmian *Eco School* & Sekolah Lestari serta Pameran Alam Sekitar di SMK Tun Mutahir Melaka.




Program Santai Hijau merupakan satu platform perkongsian membincangkan isu-isu alam sekitar yang berlaku di persekitaran sekolah.

## c) MELAKA *ECO-SCHOOLS SUMMIT* 2019 ; DAN PAMERAN SEMPENA PROGRAM GENERASI BERWAWASAN 2020 ANJURAN PTHM DAN MBMB



17 Januari 2019

Mengupas isu-isu alam sekitar seperti pengurangan sisa, kitar semula, pemuliharaan air, penjimatan tenaga dan sebagainya.


8 April 2019

PTHM memberi pendedahan mengenai kesedaran beg biodegradasi, kempen "taknak straw lah" dan program minyak masak terpakai kepada pelajar.

## d) TAKLIMAT *ECO-SCHOOLS* KEPADA PENGETUA DAN WAKIL SEKOLAH KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN ; DAN TAKLIMAT PENGENALAN PROGRAM MELAKA *ECO SCHOOLS* BAGI KAWASAN PENTADBIRAN MPAG


19 Mac 2019

Taklimat diberikan kepada pengetua dan wakil sekolah bertempat di Bilik Kesidang PTHM yang mewakili 16 buah sekolah menengah di daerah Jasin.


3 April 2019

Taklimat ini dianjurkan oleh PTHM dan Green Growth Asia Foundation serta disokong oleh Jabatan Pendidikan Melaka dan MPAG.

## e) TAKLIMAT PELAKSANAAN KLINIK *ECO-SCHOOL* BAGI KAWASAN MBMB ; DAN TAKLIMAT PELAKSANAAN PROGRAM MELAKA *ECO-SCHOOLS* KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH DI KAWASAN MPJ PERINGKAT NEGERI MELAKA


16 Mei 2019

Inisiatif asas program ini adalah mengalakan golongan muda melibatkan diri secara langsung dengan penjagaan alam sekitar.


21 Mei 2019

Memberi pendidikan mengenai pemuliharaan alam sekitar. Sekolah-sekolah yang terlibat diterangkan mengenai langkah-langkah untuk membantu sekolah mencapai misi *Green Flag Award*.

# 5.5 INDIKATOR 5 : *GENDER EQUALITY*

## INDIKATOR 5

### MENCAPAI KESAKSAMAAN JANTINA

**a) PROGRAM *2 YEARS EXIT PROGRAMME* (2YEP) ; DAN HARI BERTEMU RAKYAT BERSAMA KETUA MENTERI MELAKA**




Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyampaikan geran perniagaan 2YEP sebanyak RM2,700 seorang kepada usahawan ibu tunggal di negeri ini.



Peluang rakyat bertemu Ketua Menteri setiap Jumaat di Seri Bendahara dan Hari Bertemu Rakyat Perdana diadakan setiap 3 bulan yang melibatkan Ketua Menteri, EXCO, dan agensi kerajaan.

**b) MELAKA PRIHATIN (BANTUAN KEPADA MANGSA BANJIR DAN RIBUT)**



Seramai 119 keluarga telah menerima bantuan banjir Kerajaan Melaka atas musibah banjir pada Disember 2018.



Kerajaan Negeri Melaka telah mengaktifkan jentera bantuan bencana bagi menyelaras dan memantau beberapa kawasan yang dilanda banjir dan ribut.

## 5.6 INDIKATOR 6 : *CLEAN WATER & SANITATION*

# INDIKATOR 6

PASTIKAN KETERSEDIAAN DAN PENGURUSAN AIR DAN SANITASI YANG MAMPAN UNTUK SEMUA

### a) PROGRAM SEMPENA *WORLD ENVIRONMENT DAY* (WED) *& FRIENDS OF RIVER* ; DAN CADANGAN PEMBINAAN LOJI RAWATAN ENAP CEMAR BERPUSAT DI SG UDANG


14 Julai 2018

Program sempena *World Environment Day* (WED) & *Friends Of River* Anjuran IWK Melaka diadakan di Sungai Putat, Melaka.


31 Ogos 2018

Loji rawatan enap cemar berpusat bagi tadahan Melaka Tengah. Menyediakan kemudahan rawatan enapcemar yang lebih moden dan berteknologi terkini.

### b) MEMBINA, MENAIKTARAF DAN MENTAULIAHGUNA LOJI RAWATAN KUMBAHAN SEDIADA ; DAN PEMBINAAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN DAN RANGKAIAN PAIP PEMBENTUNGAN BERPUSAT SERTA KEMUDAHAN ENAPCEMAR BERPUSAT


27 Disember 2011

Daripada jenis *biofilter* kepada sistem mekanikal (*package plant*), iaitu sistem yang lebih moden di Rumah Awam Ayer Molek fasa ii ( No. Aset MTH073), Melaka Tengah.


28 Disember 2011

Lokasi di pusat tadahan Bandar Alor Gajah di Sungai Petai. Mengurangkan pencemaran alam sekitar akibat kumbahan terutamanya terhadap Sungai Melaka.

## c) MEMBINA 1 UNIT SISTEM NYAH-AIR MEKANIKAL (MDU) DI LOJI SEDIADA ; DAN PROJEK PEMBINAAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN DAN RANGKAIAN PAIP PEMBENTUNGAN SERANTAU BANDARAYA MELAKA, TADAHAN PEMBENTUNGAN TAMBAK LAUT




Menyediakan kemudahan rawatan enapcemar yang lebih moden dan berteknologi terkini di loji sediada di Taman Perindustrian Jasin.




Menyediakan kemudahan sistem pembentungan yang terkini dan moden yang dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar akibat kumbahan

## d) SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA 2019 ; DAN PENAMBAHBAIKAN TERHADAP KUALITI AIR SUNGAI MELAKA OLEH PPSPM




Sambutan Hari Air Sedunia 2019 dilaksana oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) & Sekolah Kebangsaan Air Baruk Jasin bagi memberi kesedaran tentang pengurusan air.




PPSPM akan menambah baik sistem perparitan & ‘menghijaukan’ sepanjang Sungai Melaka. Sistem baraj di muara Sungai Melaka turut akan dibaikpulih menjelang akhir tahun ini bagi mengawal paras air.

## 5.7 INDIKATOR 7 : *AFFORDABLE & CLEAN ENERGY*

### INDIKATOR 7

MEMASTIKAN AKSES KEPADA TENAGA YANG BERPATUTAN, BOLEH DIPERCAYAI, MAMPAN DAN MODEN UNTUK SEMUA

### a) KEMPEN PENGUMPULAN *HOUSEHOLD E-WASTE* ANTARA JABATAN DI MENARA PERSEKUTUAN MELAKA ; DAN PROGRAM KUTIPAN SISA KITAR SEMULA 2+1 OLEH PPSPPA DAN SWM




Kempen ini memberi galakkan kepada orang ramai agar tidak membuang barangan elektronik secara haram.




Sistem 2 +1 bermakna sisa organik akan dikutip dua kali seminggu. Bahan kitar semula seperti bekas plastik, tin aluminium, dan kertas dikutip seminggu sekali.

### b) APLIKASI *SMART PARKING* MELAKA




MBMB telah perkenalkan sistem pembayaran kupon letak kereta menerusi aplikasi telefon pintar 'Smart Parking Melaka' mulai 1 Januari 2019.




Perkhidmatan ini boleh dimuat turun di aplikasi 'Google Play' dan 'App Store' bagi memudahkan pengguna serta pelancong di negeri Melaka.

## 5.8 INDIKATOR 8 : *DECENT WORK & ECONOMIC GROWTH*

### INDIKATOR 8

MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MAMPAN, INKLUSIF DAN MAMPAN, PEKERJAAN PENUH DAN PRODUKTIF DAN KERJA YANG BAIK UNTUK SEMUA

### a) PELANCARAN BAS ELEKTRIK DI MELAKA ; DAN PROJEK MELAKA GATEWAY




Bas elektrik merupakan inisiatif kerajaan negeri dalam merealisasikan dasar hijau negeri serta ke arah pengurangan intensiti karbon sebanyak 40%.



Projek mega ini bakal membawa pelaburan yang banyak selain memperkasakan sektor pelancongan negeri menerusi pembinaan terminal feri.

### b) PROGRAM PUSAT CAKNA BANGUN EKONOMI (PACBE) ; DAN PEMBINAAN KLINIK KESIHATAN REMBIA



19 Oktober 2019

Program PACBE merangkumi bengkel, kursus dan latihan yang majoritinya terdiri daripada wanita, bagi bolehkan mereka membuat suatu keputusan dalam organisasi dan syarikat korporat.



21 Oktober 2019

Ia memulakan operasi secara rasmi pada 26 Ogos 2019 dan telah memberi kemudahan penjagaan kesihatan kepada hampir 43 ribu penduduk dalam kawasan DUN ini

## 5.9 INDIKATOR 9 : *INDUSTRY, INNOVATION & INFRASTRUCTURE*

### INDIKATOR 9

MEMBINA INFRASTRUKTUR YANG BERDAYA TAHAN, MENGGALAKKAN PERINDUSTRIAN INKLUSIF DAN MAMPAN DAN MEMUPUK INOVASI

**a) TAKLIMAT OPERASI KTM-ETS STESEN PULAU SEBANG ; DAN MAJLIS PECAH TANAH TERMINAL BERSEPADU SEBANG SENTRAL**



21 Januari 2018

Memperkenalkan dan mempromosi KTM- ETS Pulau Sebang sebagai hub pengangkutan baru ke Negeri Melaka.



21 Januari 2018

Pecah tanah projek pembangunan terminal bas moden dan bersepadu yang bakal menjadi mercu tanda baru Bandar Pulau Sebang.

**b) KONVENSYEN KIK MPAG 2018 ; DAN PROGRAM IGEM 2018 OLEH MBMB**



3 Disember 2018

Pertandingan KIK peringkat MPAG. Memupuk semangat rekacipta dan inovasi dalam kalangan peserta.




MBMB telah menyertai *International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia* (IGEM).

## 5.10 INDIKATOR 10 : *REDUCED INEQUALITIES*

### INDIKATOR 10

KURANGKAN KETIDAKSAMAAN DALAM DAN ANTARA NEGARA

### a) *FREE PARKING* PADA HARI SABTU DAN AHAD DI MELAKA




MBMB tidak lagi mengenakan caj parkir pada setiap Sabtu dan Ahad di dalam zon kawasannya mulai 15 Jun 2018 (14,115 petak letak kenderaan).




Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) juga mengikut jejak langkah MBMB dengan memansuhkan caj parkir kenderaan pada hujung minggu dan cuti umum (2,811 petak). Langkah ini mengurangkan kutipan hasil PBT sebanyak RM2 juta setahun.

### b) PELANCARAN BAS PERCUMA DI MELAKA




Perkhidmatan bas percuma diperkenalkan di Melaka mulai 20 Ogos 2018 kepada pemegang MyKad serta Mykid. Dikendalikan oleh Panorama Melaka Sdn Bhd.




Melalui tiga laluan utama iaitu dari Melaka Sentral ke Mydin melalui Simpang Kipmart; Melaka Sentral ke Mydin melalui Hospital Besar; dan Melaka Sentral ke Pasar Transit.

# 5.11 INDIKATOR 11 : *SUSTAINABLE CITIES & COMMUNITIES*

## INDIKATOR 11

MEMBUAT BANDAR DAN PENEMPATAN MANUSIA INKLUSIF, SELAMAT, BERDAYA TAHAN DAN MAMPAN

### a) PELAKSANAAN INISIATIF BANDAR SELAMAT DALAM USAHA MEMERANGI JENAYAH OLEH MAJLIS PERBANDARAN JASIN



Mesyuarat Jawatankuasa Program Bandar Selamat Majlis Perbandaran Jasin yang diadakan 6 kali setahun.



Pencahayaan di lorong gelap di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Jasin.

### b) PENYEDIAAN LALUAN BASIKAL DI BANDAR JASIN BESTARI ; DAN PEMASANGAN REL PENGHADANG DI LALUAN PEJALAN KAKI



Kemudahan laluan basikal di Bandar Jasin Bestari.



Pemasangan rel penghadang di Bandar Jasin 3.

## c) PROGRAM *CAR FREE ZONE*@ ALOR GAJAH DAN SANTAI MALAM MINGGU ; DAN PROGRAM *CAR FREE ZONE* DAN PERASMIAN MURAL ALOR GAJAH



17 Februari 2018

Program *car free zone* melalui aktiviti riadah dan sukan rakyat di Alor Gajah.


28 Julai 2018

Program *car free zone* beserta pameran agensi dan jualan oleh peniaga setempat serta perasmian mural Alor Gajah.

## d) RUMAH MAMPU MILIK (RMM) MERLIMAU 2 ; DAN RUMAH HARAPAN (KOS SEDERHANA RENDAH)

Rumah Mampu Milik


22 Julai 2018

- Tidak melebihi RM180,000.00
- 3 bilik tidur, 2 bilik air.
- Keluasan 1,000 kp.
- Pendapatan isirumah tidak lebih RM8000 sebulan.

Rumah Harapan


22 Mac 2019

- RM80,000 - RM100,000.
- 3 bilik tidur, 2 bilik air.
- Keluasan 850 kaki persegi.
- Pendapatan isirumah tidak lebih RM6000 sebulan.

## e) RUMAH BELIA MELAKA, DURIAN TUNGGAL ; DAN KEMPEN BANDAR BERSIH

Rumah Belia Melaka


22 Mac 2019

- Harga RM180,000.00
- 3 bilik tidur, 2 bilik air.
- Keluasan 1,000 kp.
- Isirumah tidak lebih RM8000 sebulan.
- Umur tidak lebihi 35 tahun.


31 Ogos 2018

YAB Adly Zahari mengajak orang ramai mengutip sampah bersama-sama sebelum pulang selepas menghadiri sesuatu program agar negeri ini kekal bersih.

## 5.12 INDIKATOR 12 : *RESPONSIBLE CONSUMPTION & PRODUCTION*

# INDIKATOR 12

MEMASTIKAN PENGGUNAAN DAN CORAK PENGELUARAN LESTARI

### a) INISIATIF PENUBUHAN KEBUN KEJIRANAN ; DAN INISIATIF KOMUNITI DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN JASIN



Pelaksanaan program pembangunan kebun kejiranan hijau di MPJ.



Para Penduduk Taman Nyalas Baru wujudkan Kebun Muhibbah iaitu kebun untuk tanaman pokok bangsa Melayu, Cina dan India.

### b) AKTIVITI PENGKOMPOSAN SISA ; DAN PROGRAM BIODIESEL



Aktiviti perkomposan sisa di bangunan pejabat lama MPJ.



Program Biodiesel diadakan bersama penduduk kampung dengan sokongan Perbadanan Teknologi Hijau Melaka.

## c) PELAKSANAAN SISTEM PENUAIAN AIR HUJAN ; DAN PROGRAM HIJAU – ECO BAKAU



Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) di kawasan MPJ




Program Hijau - Eco Bakau bersama Politeknik Merlimau di Jeti Pantai Siring.

## 5.13 INDIKATOR 13 : *CLIMATE ACTION*

# INDIKATOR 13

AMBIL TINDAKAN SEGERA UNTUK MEMERANGI PERUBAHAN IKLIM DAN KESANNYA

### a) PELANCARAN BANDAR JASIN BANDAR RENDAH KARBON ; DAN PROGRAM *EARTH HOUR NIGHT WALK* 2018



29 April 2019

Pelancaran Bandar Jasin Bandar Rendah Karbon oleh Majlis Perbandaran Jasin.



Program Earth Hour Night Walk 2018 bagi menyahut kempen memerangi perubahan iklim.

### b) KEMPEN E-HIJAU JABATAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR ; DAN KEMPEN KAWALAN PELEPASAN DARIPADA ENJIN PETROL




28 Februari 2018

Dijalankan setiap bulan. Bertujuan memupuk kesedaran terhadap barangan yang boleh dikitar semula bagi kakitangan.



30 Mei 2018

Kempen Kawalan Pelepasan daripada Enjin Petrol dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar.

## c) SEMINAR KESEDARAN LAPISAN OZON & *HOUSEHOLD E-WASTE* DI MENARA PERSEKUTUAN MELAKA ; DAN SAMBUTAN HARI BUMI 2019 DI TESCO CHENG, MELAKA



20 September 2018

Terdapat pelbagai aktiviti dan pameran. Pemenang bagi pengumpulan *Household e-waste* yang paling banyak disediakan.



26 Mac 2019

Program *E-Waste Alam Alliance* sempena Hari Bumi Peringkat Negeri Melaka 2019 dirasmikan oleh YB Datuk Tey Kok Kiew.

## d) PROGRAM EKSPLORASI DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR ; DAN KEMPEN KESEDARAN ALAM SEKITAR DAN PENANAMAN POKOK


24 Mac 2019

Aktiviti ini diadakan sempena Program *Melaka Nature Fest* bersama Bens Maju Sdn Bhd dan JPN Melaka di Taman Eko-Rimba Bukit Batu Lebah.


4 Mei 2019

Program ini diadakan bersama Multimedia University di Taman Botanikal Melaka, Ayer Keroh.

## e) PROGRAM KESIHATAN ALAM SEKITAR ; DAN PROGRAM *EARTH HOUR* TAHUN 2019



18 April2019

Seminar Perubahan Iklim Zon Tengah . Objektif memberi kesedaran mengenai ancaman aktiviti manusia terhadap perubahan iklim.


30 Mac 2019

Kelas secara percuma menghasilkan '*Pin Cushion*' dari Kain Perca sempena Program *Earth Hour* 2019 di Perkarangan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan.

## f) PROGRAM BANK KITAR SEMULA BANGUNAN WISMA NEGERI ; DAN SESI TAKLIMAT BAGI PELAKSANAAN *CARBON LITERACY PROGRAM - LOW CARBON ECO-SCHOOLS* MPHTJ



3 Mei 2019

Program ini dianjurkan oleh PTHM dengan kerjasama SWCorp Melaka & SWM Melaka. Sebanyak 207 kg sampah kitar semula berjaya dikumpulkan.



22 Mei 2019

Inisiatif yang digariskan di bawah '*Framework – Low Carbon City Hang Tuah Jaya*' bagi menyokong pelaksanaan Hang Tuah Jaya *Low Carbon City*.

## g) TAKLIMAT PELAKSANAAN PROGRAM MELAKA TANPA BEG PLASTIK, POLISTERIN DAN STRAW ; DAN ACARA PENYERAHAN BEG DAN BEKAS MAKANAN BIODEGRADASI KEPADA PENGURUSAN MASJID NEGERI MELAKA



14 Mei 2019

Taklimat pelaksanaan program Melaka ke arah sifar plastik sekali guna, polisterin & straw



14 Mei 2019

Acara penyerahan bekas makanan dan beg biodegradasi kepada 12 buah masjid setiap kawasan pentadbiran PBT sempena bulan Ramadhan.

## h) PROGRAM TANAM POKOK SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2019 DAN KEMPEN PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs) BERSAMA UNDP



2 November 2019

Melalui program ini, kesemua PBT (MBMB, MPHTJ, MPAG dan MPJ) telah menerima Anugerah Bandar Mampan peringkat Negeri Melaka bagi tahun 2018.



2 November 2019

Sebanyak 200 batang pokok Merawan Siput Jantan ditanam di tepian Sungai Melaka Fasa 2, di mana pokok ini mampu menyerap air hujan dan hasilkan oksigen.

## 5.14 INDIKATOR 14 : *LIFE BELOW WATER*

# INDIKATOR 14

## MENGEKALKAN KEMAMPANAN LAUTAN DAN SUMBER LAUT

### a) TAKLIMAT PROGRAM DAN AKTIVITI KONSERVASI PENYU DI MELAKA ; DAN PROGRAM KELESTARIAN SUNGAI MELAKA DENGAN KERJASAMA UKM@HATTEN MELAKA


3 Oktober 2018

Aktiviti konservasi penyu di Pengkalan Balak. Mempromosi aktiviti pemeliharaan & pelancongan penyu karah yang terdapat di Negeri Melaka.



Program Kelestarian Sungai Melaka dengan Kerjasama UKM@HATTEN Melaka pada Disember 2019.

### b) PROGRAM PELEPASAN BENIH IKAN LAMPAM SUNGAI KE PERAIRAN UMUM (SUNGAI BULUH, ALOR GAJAH) DAN SUNGAI CHOHONG (NEGERI MELAKA DAN JOHOR)


2 Februari 2018

Melepaskan benih ikan lampan ke Sungai Buluh, Alor Gajah pada setiap tahun iaitu sebanyak 5,000 ekor benih bagi mengekalkan kelestarian sumber perikanan sungai.



25 April 2018

Melepaskan benih ikan lampan ke Sungai Chohong, Jasin sebanyak 25,000 ekor. Bagi menambah stok ikan sungai yang terdapat di perairan sungai Melaka.

## c) PROGRAM PELEPASAN BENIH IKAN LAMPAM SUNGAI DAN BENIH UDANG GALAH KE PERAIRAN UMUM (SUNGAI REMBAU, ALOR GAJAH)




Melepaskan benih ikan lampan (10,000 ekor) dan udang galah (60,000 ekor) ke Sungai Rembau, Alor Gajah.




Melepaskan benih udang galah ke Sungai Rembau, Alor Gajah sebanyak 100,000 ekor. Program ini dilaksanakan pada setiap tahun.

## d) PROGRAM PELEPASAN BENIH IKAN LAMPAM SUNGAI KE PERAIRAN UMUM (SUNGAI TEHEL, JASIN) DAN PELEPASAN BENIH UDANG GALAH KE SUNGAI REMBAU, ALOR GAJAH




Melepaskan benih ikan lampan sungai ke perairan Sungai Tehel, Jasin iaitu sebanyak 40,000 ekor.




Melepaskan benih udang galah sebanyak 70,000 ekor ke perairan Sungai Rembau, Alor Gajah. Dirasmikan oleh Exco Pertanian Kerajaan Negeri Melaka.

## 5.15 INDIKATOR 15 : *LIFE ON LAND*

### INDIKATOR 15

MELINDUNGI, MEMULIHKAN DAN MENGGALAKKAN PENGGUNAAN EKOSISTEM DARAT YANG MAMPAN, MENGURUSKAN HUTAN SECARA LESTARI, MENENTANG DESERTIFIKASI, DAN MENGHENTIKAN / MENURUNKAN KEMEROSOTAN TANAH DAN MENGHENTIKAN KEHILANGAN BIODIVERSITI

**a) PROGRAM *PLEDGE & PLAN A TREE* 2018 ; DAN SAMBUTAN HARI BUMI KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM) MELAKA**



Program *Pledge & Plan A Tree* 2018 oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah.




Sambutan Hari Bumi anjuran Kolej Profesional Mara Melaka.

**b) HARI ALAM SEKITAR NEGARA ; DAN PROGRAM HIJAUKAN EMPANGAN KITA**




Hari Alam Sekitar Negara 2018 diadakan di Dataran Klebang Melaka. Telah dirasmikan oleh YAB Tuan Adly bin Zahari, Ketua Menteri Melaka.




Program Hijaukan Empangan Kita bersama BKSA, PUSPANITA dan JPN Melaka bertempat di Empangan Durian Tunggal.

## c) PROGRAM PENANAMAN POKOK DI HS BUKIT BATU LEBAH ; DAN PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT DAN PENGHIJAUAN HUTAN SIMPAN BUKIT BERUANG



28 Februari 2019

Program Penanaman Pokok bersama Kolej Komuniti Masjid Tanah dan JPN Melaka di Taman Eko-Rimba Bukit Batu Lebah.




2 Mac 2019

Program ini diadakan bersama University College Of Agroscience Malaysia (UCAM) dan JPN Melaka.

## d) PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT DAN PENGHIJAUAN HUTAN SIMPAN TANJUNG TUAN ; DAN SAMBUTAN HARI HUTAN PERINGKAT PEJABAT PERHUTANAN NEGERI MELAKA



28 Februari 2019

Program ini diadakan bersama pelajar ADTEC Melaka dan JPN Melaka di Hutan Simpan Tanjung Tuan.



21 Mac 2019

Sambutan Hari Hutan diadakan di Taman Botanikal Melaka, Ayer Keroh anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Melaka.

## e) PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ; DAN PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT, KESEDARAN ALAM SEKITAR & PENGHIJAUAN HUTAN SIMPAN



30 Mac 2019

Program ini sempena Sambutan Hari Hutan Peringkat Negeri Melaka Tahun 2019 di Taman Botanikal Melaka, Ayer Keroh.



14 April 2019

Program Khidmat Masyarakat, Kesedaran Alam Sekitar dan Penghijauan Hutan Simpan Tanjung Tuan anjuran Belia Pengkalan Balak.

## 5.16 INDIKATOR 16 : *PEACE, JUSTICE & STRONG INSTITUTIONS*

### INDIKATOR 16

MENGGALAKKAN MASYARAKAT YANG AMAN DAN INKLUSIF UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN, MEMBERIKAN AKSES KEPADA KEADILAN UNTUK SEMUA DAN MEMBINA INSTITUSI YANG BERKESAN, BERTANGGUNGJAWAB DAN INKLUSIF DI SEMUA PERINGKAT

**a) KARNIVAL SEJAHTERAKAN BANDARAYAKU 2019 ; DAN PROGRAM RAIKAN KEMAKMURAN DAN KEHARMONIAN BERSAMA ANAK-ANAK ISTIMEWA**




Karnival Sejahterakan Bandarayaku Dun Banda Hilir 2019 anjuran MBMB.




Program Raikan Kemakmuran dan Keharmonian bersama Anak-anak Istimewa oleh MBMB sempena Sambutan Tahun Baru Cina 2019.

**b) KARNIVAL MESRA RAKYAT SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-12 MPJ ; DAN *GREEN XPLORACE* 2019 SEMPENA SAMBUTAN HARI BUMI PERINGKAT MPAG**




Karnival Mesra Rakyat serta majlis Pelancaran Tahun Melawat Melaka 2019 Peringkat Jasin. Dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka.




Hampir 100 peserta telah terlibat dalam menyertai *Green Xplorace* 2019 yang diadakan di Dataran Keris, Alor Gajah.

## 5.17 INDIKATOR 17 : *PARTNERSHIPS FOR THE GOALS*

**INDIKATOR 17**

MEMPERKUKUHKAN CARA PELAKSANAAN DAN MEREVITALISASI PERKONGSIAN GLOBAL UNTUK PEMBANGUNAN MAMPAN

### a) PENGIKTIRAFAN SEBAGAI *GREEN WORLD AMBASSADOR* 2017 ; DAN *PENGANUGERAHAN INTERNATIONAL GREEN APPLE AWARD* 2016




MPJ telah berjaya diiktiraf di peringkat antarabangsa dan dinobatkan sebagai *Green World Ambassador* pada bulan Jun 2017.




MPJ telah berjaya menerima Anugerah Emas di *International Green Apple Awards* 2016 pada 11 November 2016 di The House of Parliament, London.

### b) SEMINAR *NEW URBAN DEVELOPMENT TOWARDS SUSTAINABLE CITY* ; DAN PROGRAM CINTAI SUNGAI (*LOCAL AGENDA*, LA21)



Perkongsian ilmu dalam menjayakan *New Urban Development Towards Sustainable City* di kalangan peneraju industri pembangunan.



Memasukkan "*mud ball*" ke dalam sungai bagi pembersihan & meningkatkan hidupan mikro sungai di Sungai Pengkalan.

## c) MALAYSIA URBAN FORUM (MUF) 2019 ; DAN PROGRAM KESIHATAN ALAM SEKITAR (KEJURUTERAAN)



Malaysia Urban Forum (MUF) 2019 yang diadakan pada setiap tahun.




Bengkel TWG Bil. 1 bagi Pembangunan Pelan Tindakan Kesihatan Alam Sekitar Program SEHAP Melaka. Melibatkan kerjasama inter-sektoral di peringkat negeri.

## d) MAJLIS PELANCARAN LAPORAN MELAKA *SUSTAINABILITY OUTLOOK DIAGNOSTIC* (*PATHWAY TO URBAN SUSTAINABILITY)* ; DAN ANUGERAH HIJAU MELAKA




Laporan ini sejajar dengan dasar Matlamat Pembangunan kelestarian (SDG) – Bandar dan Komuniti Mampan. Disempurnakan oleh Ketua Menteri Melaka.




Anugerah Hijau Negeri Melaka 2017 dianjurkan oleh PTHM dalam mengiktiraf agensi kerajaan, sekolah, IPT dan PBT yang mempraktikkan amalan hijau.

## e) MELAKA *100 RESILIENT CITIES* (100 BANDAR BERDAYA TAHAN)




Melaka telah tersenarai antara satu daripada 100 bandar berdaya tahan di seluruh dunia. Pemilihan dilakukan oleh Yayasan Rockefeller yang berpangkalan di New York.



Pemilihan MBMB bukan sahaja memberi penghormatan kepada Melaka, malah sebagai dorongan menjadi sebuah bandar yang lebih baik untuk generasi akan datang.

# 6.0 RUMUSAN



# 6.1 RUMUSAN PELAKSANAAN AGENDA PERBANDARAN BAHARU DI NEGERI MELAKA

Secara kesimpulannya, negeri Melaka telah mempraktikkan kesemua amalan yang digariskan di dalam 17 indikator SDGs ke arah pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu di Negeri Melaka. Ini terbukti melalui pelaksanaan program-program atau aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang mana telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi swasta dan jabatan-jabatan kerajaan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka.

Justeru itu, pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu di Negeri Melaka turut menyumbang ke arah merealisasikan objektif Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) iaitu Pembangunan Untuk Semua (menstruktur ekonomi); Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan (menangani ketidaksamaan); dan Negara Bersatu, Makmur dan Bermaruah (membina negara). Kerjasama dan pencapaian yang ditunjukkan oleh pelbagai pihak secara tidak langsung dapat menjayakan Agenda Perbandaran Baharu (*New Urban Agenda*) di Negeri Melaka.




Rajah 6.1 : 17 Indikator *Sustainable Development Goals* (SDGs)

# PENGHARGAAN & TERIMA KASIH

PLANMalaysia@Melaka (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka) ingin merakamkan setinggi – tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri Melaka, Urbanice Malaysia (UM), semua pegawai, kakitangan PLANMalaysia@Melaka serta mana – mana individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbang tenaga dan idea bagi menjayakan penerbitan Monograf ini.





JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI MELAKA

**PLANMalaysia @ Melaka**

Perancangan Melangkaui Kelaziman | *Planning : Beyond Conventional*

http://www.jpbdmelaka.gov.my

**Tahun Terbitan : 2019**





# MONOGRAF 2019

AGENDA PERBANDARAN BAHARU